

TERMA DAN SYARAT PERADUAN BELI, MOMOM & MENANG SAZARICE 2026

Sila baca Terma dan Syarat ini dengan teliti sebelum menyertai “**PERADUAN BELI, MOMOM & MENANG SAZARICE**”. Dengan menyertai peraduan ini, peserta dianggap telah **membaca, memahami dan bersetuju** untuk terikat dengan **Terma dan Syarat** yang dinyatakan.

1.0 PENGANJUR

Penganjur peraduan ini ialah **SAZARICE SDN BHD.199601013024 (385374-U)** (“**SAZARICE**” atau “**Pihak Penganjur**”)

2.0 TEMPOH PERADUAN

Peraduan ini **bermula** dari **jam 00:00:00 pada 01/09/2026** dan **ditutup jam 23:59:59 pada 31/12/2026**.

3.0 SYARAT KELAYAKAN

Peraduan ini terbuka kepada individu yang menetap di **Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan** dan **telah mencapai umur 18 tahun pada tarikh permulaan peraduan**.

Peserta hendaklah memiliki **dokumen pengenalan diri yang sah, seperti kad pengenalan atau passport**, bagi tujuan pengesahan kelayakan.

Pada bila-bila masa sepanjang tempoh peraduan, pihak penganjur berhak meminta peserta mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah sebagai bukti.

Individu berikut adalah tidak layak menyertai peraduan ini:

- Semua kakitangan Penganjur, termasuk syarikat induk, syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan syarikat berkaitan, serta ahli keluarga terdekat mereka (suami/isteri, ibu bapa, anak, adik-beradik dan pasangan masing-masing); dan/atau
- Semua wakil, ejen, pembekal perkhidmatan, agensi pengiklanan, agensi promosi atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh Penganjur bagi mengurus atau melaksanakan Peraduan ini, termasuk syarikat bersekutu dan syarikat berkaitan mereka, serta ahli keluarga terdekat mereka (suami/isteri, ibu bapa, anak, adik-beradik dan pasangan masing-masing).
- Individu yang berumur di bawah lapan belas (18) tahun.

4.0 SYARAT DAN CARA PENYERTAAN

1. Untuk menyertai peraduan ini, peserta mesti **membeli sekurang-kurangnya satu [1]** daripada mana-mana produk Sazarice dalam satu resit pembelian.
 - I. Untuk pembelian dalam talian, resit boleh didapati dalam bentuk e-resit, dan untuk pembelian di kedai/gedung, ia boleh dicetak dari sistem Point of Sale (POS). Setiap resit mesti mengandungi nombor resit, tarikh pembelian, nama beras dan kuantiti yang dibeli, serta nama dan/atau logo kedai/gedung yang dibeli.
 - II. Sekiranya kedai/gedung tempat pembelian tidak mempunyai resit seperti yang dinyatakan di atas, resit bertulis juga boleh diterima namun ia mestilah dikeluarkan oleh pemilik sah kedai/gedung dan mengandungi butiran lengkap mengenai pembelian, termasuk nama kedai/gedung, nama beras yang dibeli, jumlah dan tarikh pembelian. Resit mesti dicop dengan cop rasmi kedai/gedung yang di mana pembelian dibuat.
2. Peserta mesti melampirkan resit asal sebagai **BUKTI PEMBELIAN (BP)** untuk setiap penyertaan yang dikemukakan.
3. Hanya ada **satu [1] cara untuk menyertai peraduan** ini, iaitu melalui **Laman Web rasmi momom2u** (<https://www.momom2u.com/>). Penyertaan yang selain daripada yang dinyatakan akan dibatalkan.
4. **Hanya satu [1] pendaftaran** melalui **laman web** yang boleh diberikan kepada setiap **BP** pada satu masa.
5. Pihak penganjur berhak untuk **membatalkan sebarang penyertaan** melalui laman web yang disertakan dengan **Bukti Pembelian (BP) berulang atau yang mengandungi lebih daripada satu [1] Bukti Pembelian (BP) dalam satu pendaftaran yang sama.**

Terdapat satu (1) Cara Penyertaan:

- 1) **Penyertaan hanya melalui Laman Web rasmi**
<https://www.momom2u.com/>.

- a) Beli mana-mana produk Sazarice dalam satu resit pembelian. Sila rujuk **4.0 SYARAT & CARA PENYERTAAN: 1) (I & II)**. Peserta harus memastikan **tarikh Bukti Pembelian (BP) mestilah 1 September 2026 ke atas**. Bagi setiap pendaftaran yang sah, **had maksimum** yang ditetapkan adalah sebanyak **dua puluh lima [25] penyertaan** sahaja.

- b) **Ambil satu [1]** gambar **Bukti Pembelian (BP)** yang lengkap dengan nama kedai, tarikh pembelian serta butiran produk yang dibeli. Kemudian, melalui **Laman Web** <https://www.momom2u.com/>, **isikan butiran peribadi dan muat naik foto BP** yang **terang** bagi melengkapkan penyertaan.
- c) Pihak penganjur berhak untuk meminta **Bukti Pembelian (BP)** asal untuk pengesahan dan penebusan hadiah untuk penyertaan dari laman web yang diterima. Kegagalan untuk mengemukakan **Bukti Pembelian (BP)** asal apabila diminta akan menyebabkan pembatalan kemenangan dan hadiah.
- d) Penganjur berhak **menolak** mana-mana penyertaan peraduan yang dihantar, atas sebab-sebab berikut :
- Maklumat tidak lengkap, tidak boleh dibaca, dan / atau butiran tidak tepat, salinan; dan / atau
 - Penghantaran gambar **Bukti Pembelian (BP)** yang tidak jelas atau kabur; dan / atau
 - Mengandungi sesuatu haram, lucah, memalukan, fitnah atau kesat kepada mana-mana orang / organisasi.

6. Berikut merupakan rujukan Jadual Bukti Pembelian Peraduan Beli, Momom & Menang Sazarice :-

KATEGORI BERAS	JENAMA BERAS	SAIZ BEG 10KG	SAIZ BEG 5KG	SAIZ BEG 2KG & 1KG
BERAS WANGI	Beras Wangi AAA Golden Peonies	7 Penyertaan	3 Penyertaan	NA
BERAS WANGI	Beras Wangi AAA Double Dragon	7 Penyertaan	3 Penyertaan	NA
BERAS WANGI	Beras Super Wangi AA Cap Roda	7 Penyertaan	3 Penyertaan	NA
BERAS WANGI	Beras Wangi Special Cap Anggur (Ungu)	7 Penyertaan	3 Penyertaan	NA

BERAS WANGI	Beras Wangi Cap Anggur (Kuning)	7 Penyertaan	3 Penyertaan	NA
BERAS WANGI	Beras Wangi Cap Cikui	7 Penyertaan	NA	NA
BERAS ISTIMEWA	Kainat Beras Basmathi	NA	7 Penyertaan	7 Penyertaan
BERAS ISTIMEWA	Sella Cream Beras Basmathi	NA	7 Penyertaan	NA
BERAS ISTIMEWA	Mahkota Beras Basmathi	NA	7 Penyertaan	3 Penyertaan
BERAS ISTIMEWA	Beras Calrose	NA	7 Penyertaan	3 Penyertaan
BERAS ISTIMEWA	Beras Pulut	NA	7 Penyertaan	3 Penyertaan
BERAS PUTIH	Rafflesia Beras Super Tempatan	2 Penyertaan	NA	NA
BERAS PUTIH	Cap Anggur Beras Super	2 Penyertaan	1 Penyertaan	NA
BERAS PUTIH	Cap Roda Beras Super	2 Penyertaan	1 Penyertaan	NA
BERAS PUTIH	Beras Super WR	2 Penyertaan	1 Penyertaan	NA

- Setiap pembelian bagi produk Sazarice yang tersenarai akan menerima **nombor penyertaan** berdasarkan kategori produk yang telah diklasifikasikan.
- Peserta dibenarkan untuk mengemukakan **lebih daripada satu [1] penyertaan** sepanjang tempoh peraduan berlangsung.
- Bagi setiap satu (1) urusan pendaftaran yang sah, **had maksimum** yang diperuntukkan adalah sebanyak **dua puluh lima [25] penyertaan** sahaja.

5.0 TARIKH TUTUP PERADUAN

Semua penyertaan hendaklah diterima oleh penganjur selewat-lewatnya pada **jam 23:59:59 pada 31/12/2026**. Mana-mana penyertaan yang dihantar **melebihi Tempoh Peraduan** yang telah ditetapkan akan **terbatal secara automatik**.

6.0 MAKLUMAT PENGADILAN: HADIAH BULANAN

Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang, Penganjur akan memperuntukkan nombor penyertaan untuk setiap Penyertaan Laman Web yang diterima dari seluruh negeri Sabah dan Labuan dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi penyertaan yang berjaya sepanjang Tempoh Promosi berdasarkan BUKTI PEMBELIAN yang dikemukakan dan Jadual BUKTI PEMBELIAN [masing-masing adalah "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"]. Satu set nombor penyertaan akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak.

Setiap bulan nombor penyertaan yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak"]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak Bulanan yang diterima untuk bulan tersebut adalah 10,515, Penganjur akan mengira dan memilih pemenang hadiah bulanan berdasarkan yang berikut:-

Contoh:

Terdapat **10,515 Penyertaan Layak** dan **20 pemenang** akan dipilih, pengiraan adalah seperti berikut:

$$10,515 \div (20 + 1) = 500.71$$

Memandangkan hasil pengiraan mengandungi nilai perpuluhan, nombor tersebut akan dibundarkan ke atas kepada **501**.

Oleh itu, **20 pemenang akan dipilih** berdasarkan **nombor penyertaan** berikut:

Angka turutan yang terpilih ialah peserta yang mempunyai kedudukan nombor penyertaan **501, 1002, 1503, 2004, 2505, 3006, 3507, 4008, 4509, 5010, 5511, 6012, 6513, 7014, 7515, 8016, 8517, 9018, 9519 dan 10020**.

7.0 MAKLUMAT PENGADILAN: HADIAH PERTAMA, KEDUA, KETIGA, KEEMPAT DAN HADIAH SAGUHATI

Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan finalis, Penganjur akan memperuntukkan nombor penyertaan untuk setiap Penyertaan Laman Web yang diterima dari seluruh negeri Sabah dan Labuan dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi penyertaan yang berjaya sepanjang Tempoh Promosi berdasarkan BUKTI PEMBELIAN yang dikemukakan dan Jadual BUKTI PEMBELIAN [masing-masing adalah "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"]. Satu set nombor penyertaan akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak.

Setiap bulan nombor penyertaan yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira mengikut Tarikh penyertaan dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak"]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak bagi empat [4] bulan yang diterima untuk bulan tersebut adalah 11000, Penganjur akan mengira dan memilih finalis hadiah utama berdasarkan yang berikut:

Contoh:

Terdapat **11,000 Penyertaan Layak** dan **10 finalis** akan dipilih, pengiraan adalah seperti berikut:

$$11,000 \div (10 + 1) = 1,000$$

Oleh itu, peserta yang mempunyai kedudukan nombor penyertaan berikut akan dipilih:

1000, 2000, 3000, 4000, 5000, 6000, 7000, 8000, 9000 dan 10000.

Sepuluh (10) finalis yang dipilih hendaklah hadir ke **Peringkat Cabaran Akhir** pada tarikh, masa dan lokasi yang akan dimaklumkan oleh Penganjur. Kegagalan hadir tanpa alasan yang munasabah boleh menyebabkan kelayakan sebagai finalis dibatalkan, tertakluk kepada keputusan Penganjur.

Penganjur akan menghubungi semua finalis menggunakan maklumat yang didaftarkan semasa penyertaan bagi memaklumkan tarikh, masa dan lokasi Peringkat Cabaran Akhir serta mendapatkan pengesahan kehadiran.

Finalis hendaklah memberikan maklum balas kepada Penganjur dalam tempoh **tujuh (7) hari bekerja** dari tarikh dihubungi. Sekiranya tiada maklum balas diterima dalam tempoh tersebut, Penganjur berhak membatalkan kelayakan finalis tersebut dan memilih **nombor penyertaan seterusnya** sebagai pengganti.

Sebagai contoh, sekiranya finalis dengan nombor penyertaan **2000** tidak

memberikan maklum balas dalam tempoh yang ditetapkan, nombor penyertaan seterusnya, iaitu **2001**, akan dipilih sebagai pengganti finalis tersebut.

Sekiranya finalis Hadiah-Hadiah Utama tidak hadir di peringkat cabaran akhir selepas membuat pengesahan kehadiran, finalis tersebut akan serta-merta mendapatkan hadiah terendah dalam hadiah-hadiah utama tersebut, tertakluk kepada keputusan Penganjur.

8.0 PENGUMUMAN DAN PENGESAHAN PEMENANG

a) Senarai pemenang **Hadiah Bulanan** dan **finalis untuk Cabaran Akhir** akan **diumumkan** melalui laman **Facebook rasmi Sazarice**.

b) Penganjur akan menghubungi pemenang hadiah bulanan dan finalis melalui nombor telefon **019-218 0882** atau melalui mesej langsung (**Direct Message**) di **laman Facebook rasmi Sazarice** bagi tujuan pengesahan maklumat dan urusan penebusan hadiah dan/atau penyertaan di Peringkat Cabaran Akhir.

c) Pemenang Hadiah Bulanan hendaklah memberikan maklum balas kepada Penganjur dalam tempoh **tujuh (7) hari bekerja** dari tarikh dihubungi. Sekiranya **tiada maklum balas diterima dalam tempoh tersebut**, Penganjur berhak **membatalkan kemenangan** tersebut dan memilih pemenang pengganti berdasarkan **nombor penyertaan seterusnya**.

Contoh: Sekiranya pemenang dengan nombor penyertaan **557** tidak memberikan maklum balas dalam tempoh yang ditetapkan, peserta dengan nombor penyertaan **558** akan dipilih sebagai pemenang pengganti, tertakluk kepada pengesahan kelayakan oleh Penganjur.

9.0 HADIAH DAN PENEBUSAN HADIAH

1. HADIAH-HADIAH

HADIAH	JENIS HADIAH	JUMLAH PEMENANG
Hadiah Pertama	JETOUR DASHING 1.5 COMFORT	1 PEMENANG
Hadiah Kedua	TRAVEL VOUCHER RM8,888.00	2 PEMENANG
Hadiah Ketiga	SAMSUNG S26 ULTRA 512GB	2 PEMENANG
Hadiah Keempat	GOLD CARD RM4,xxx.xx (Nilai minimum hadiah "Gold Card" adalah RM4,000)	2 PEMENANG
Hadiah Saguhati	SAMSUNG 65" 4K CRYSTAL UHD SMART TV	3 PEMENANG
Hadiah Bulanan (September)	PANASONIC 1.8L RICE COOKER	20 PEMENANG
Hadiah Bulanan (Oktober)	RUSSELL TAYLORS 9L AIR FRYER	20 PEMENANG
Hadiah Bulanan	SAMSUNG 18000W	20 PEMENANG

(November)	VACUUM CLEANER	
Hadiah Bulanan (Disember)	SHARP 20L MICROWAVE OVEN	20 PEMENANG

Setiap peserta hanya layak memenangi **satu (1) Hadiah Bulanan** dan **satu (1) Hadiah Utama** sepanjang Tempoh Peraduan.

Sekiranya seseorang peserta didapati memenangi lebih daripada **satu (1) Hadiah Bulanan** atau namanya terpilih sebagai finalis lebih dari **satu (1) kali** untuk **Hadiah Utama**, Penganjur berhak membatalkan kemenangan / kelayakan finalis yang berikutnya dan menggantikannya dengan peserta yang mempunyai nombor penyertaan seterusnya yang layak.

2. PNEBUSAN HADIAH

Pemenang **Hadiah Pertama, Hadiah Kedua, Hadiah Ketiga, Hadiah Keempat dan Hadiah Saguhati** hendaklah hadir ke **Peringkat Cabaran Akhir** pada tarikh, masa dan lokasi yang akan dimaklumkan oleh Penganjur bagi tujuan pengesahan identiti, penentuan pemenang dan penyerahan hadiah.

Pemenang **Hadiah Bulanan** hendaklah menebus hadiah di **cawangan Sazarice yang terdekat**, atau di lokasi lain yang ditetapkan oleh Penganjur. Tarikh, masa dan kaedah penebusan hadiah akan dimaklumkan oleh Penganjur.

Pemenang hendaklah **mengemukakan kad pengenalan atau passport** yang sah. Maklumat pada dokumen pengenalan hendaklah sepadan dengan maklumat yang didaftarkan semasa penyertaan.

Sekiranya pemenang tidak dapat hadir, wakil yang sah boleh membuat tuntutan hadiah dengan mengemukakan surat kebenaran dan dokumen sokongan yang diperlukan oleh Penganjur.

Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan, ditukar atau ditebus oleh peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh penganjur.

Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam jadual syarat penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh pemenang.

Semua hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan hadiah.

Hadiah diberikan berdasarkan “keadaan sedia ada.” Hadiah hendaklah digunakan/diambil atas risiko peserta sepenuhnya dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan hadiah setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang.

3. TANGGUNGJAWAB PEMENANG

Pemenang bertanggungjawab memastikan semua maklumat yang diberikan semasa penyertaan adalah tepat dan benar. Penganjur berhak membatalkan kemenangan sekiranya maklumat yang diberikan didapati tidak lengkap, tidak tepat atau tidak dapat disahkan.

4. TANGGUNGJAWAB CUKAI

Sebarang cukai, fi atau caj yang dikenakan oleh pihak berkuasa berkaitan penerimaan atau penggunaan hadiah adalah di bawah tanggungjawab pemenang sepenuhnya. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang implikasi cukai yang timbul daripada penerimaan atau penggunaan hadiah tersebut. Peserta digalakkan mendapatkan nasihat profesional sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan implikasi cukai.

5. HAK PENGANJUR

Penganjur berhak **membatalkan, menolak atau menarik balik** mana-mana hadiah sekiranya berlaku pelanggaran Terma dan Syarat Peraduan atau sekiranya penyertaan didapati tidak sah.

10.0 SYARAT - SYARAT PENYERTAAN

1. Penerimaan Terma dan Syarat

Dengan menyertai Peraduan ini, peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi semua Terma dan Syarat yang ditetapkan oleh Penganjur.

2. Keputusan Penganjur

Semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada kelayakan penyertaan, pemilihan pemenang dan penebusan hadiah, adalah muktamad. Sebarang rayuan, bantahan atau surat-menyurat berkaitan keputusan tersebut tidak akan dilayan.

3. Hak Penganjur

Penganjur berhak untuk:

- Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlakanya, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah tempoh peraduan, membuat penggantian hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).

4. Perlucutan Kelayakan

Peserta hendaklah memastikan semua maklumat dan penyertaan yang dikemukakan adalah lengkap, tepat dan mematuhi Terma dan Syarat Peraduan.

Penganjur berhak melucutkan kelayakan atau membatalkan mana-mana penyertaan sekiranya:

- penyertaan tidak lengkap, tidak tepat, berulang, tidak boleh dibaca atau tidak memenuhi syarat Peraduan;
- peserta melanggar mana-mana Terma dan Syarat Peraduan atau mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa;
- peserta didapati memberikan maklumat palsu, melakukan penipuan atau pamanipulasian yang boleh menjejaskan perjalanan Peraduan; atau
- peserta gagal mengemukakan bukti kelayakan apabila diminta oleh Penganjur.

Sekiranya pelanggaran hanya dikesan selepas hadiah diberikan, Penganjur berhak membatalkan kemenangan serta menuntut pemulangan hadiah atau nilainya.

Individu berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:

- Kakitangan Penganjur, termasuk syarikat bersekutu dan syarikat berkaitan, serta ahli keluarga terdekat mereka (suami/isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan pasangan mereka);
- Wakil, kakitangan, pekerja dan/atau ejen pembekal perkhidmatan pengiklanan dan/atau promosi Penganjur, termasuk syarikat bersekutu dan syarikat berkaitan masing-masing, serta ahli keluarga terdekat mereka (suami/isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan pasangan mereka); dan
- Individu yang berumur di bawah lapan belas (18) tahun.

Tanpa menjejaskan peruntukan di atas, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan dan/atau membatalkan kemenangan mana-mana Pemenang sekiranya:

- a) Pemenang didapati mengemukakan resit yang diduplikasi, diubah suai, dipalsukan atau menggunakan resit yang sama bagi lebih daripada satu penyertaan; dan/atau
- b) Terdapat keraguan munasabah bahawa Pemenang merupakan kakitangan, juruwang (cashier), atau mempunyai kepentingan langsung dengan outlet yang terlibat dalam Peraduan yang boleh menimbulkan konflik kepentingan atau ketidakadilan dalam penyertaan; dan/atau
- c) Pemenang didapati membuat pembelian dalam kuantiti yang tidak munasabah, luar kebiasaan atau mencurigakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada pembelian beras dalam jumlah yang terlalu banyak dalam tempoh masa yang singkat (contohnya dalam tempoh satu (1) bulan), yang pada penilaian munasabah Penganjur menunjukkan unsur manipulasi penyertaan, eksploitasi promosi atau percubaan untuk meningkatkan peluang kemenangan secara tidak adil.
- d) Penganjur berhak untuk menjalankan siasatan lanjut dan meminta dokumen atau penjelasan tambahan daripada Pemenang. Kegagalan untuk memberikan penjelasan yang memuaskan boleh menyebabkan kelayakan dan/atau kemenangan dibatalkan. Sekiranya pelucutan kelayakan dibuat selepas hadiah diberikan, Penganjur berhak menuntut pemulangan hadiah atau pembayaran nilai hadiah tersebut daripada Pemenang.
- e) Penganjur berhak untuk mengecualikan dan/atau membatalkan kelayakan peserta yang tidak termasuk dalam kategori Peserta dan/atau yang melanggar Syarat dan Peraturan Peraduan.

5. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan penyertaan peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan peraduan (secara kolektif dinamakan “Bahan”), dan nama peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan peraduan mana-mana barangan atau perkhidmatan penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh penganjur.

6. Hak Milik Intelektual

Peserta bersetuju bahawa semua hak milik intelektual dalam mana mana kandungan dan/bahan yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh peserta berkaitan dengan peraduan dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya secara kekal dan tanpa syarat akan menjadi hak, kepunyaan dan milik penganjur. Penganjur berhak untuk menggunakan dan mengubah suai bahan atau hasil kerja sedemikian dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada peserta dan peserta menyetepikan segala haknya ke atas bahan atau hasil kerja sedemikian.

7. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan penganjur, syarikat pegangan, anak syarikat atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Sazarice Sdn. Bhd.”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan segala kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan peserta dalam peraduan, penerimaan dan/atau penggunaan mana-mana hadiah, penyertaan peserta dan/atau persamaannya berkaitan dengan peraduan atau pelanggaran Terma dan Syarat.

8. Had Liabiliti

Penyertaan peserta dalam peraduan adalah atas risiko peserta sendiri.

Penganjur Sazarice Sdn. Bhd. para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana peserta berhubung dengan sebarang kehilangan atau kerosakan dan sebagainya yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan secara tidak langsung atau berbangkit, atau bagi kecederaan diri yang dialami atau ditanggung oleh peserta yang timbul daripada atau berkaitan dengan

penyertaan peserta dalam peraduan, dan juga penebusan dan/atau penggunaan manamana hadiah yang dimenangi.

9. Am

Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan peraduan dan Terma dan Syarat jika mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan dalam keadaan sedemikian mereka tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar pampasan kepada peserta dalam apa cara sekalipun.

Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam mana-mana bahan (termasuk bahan pemasaran dan peraduan) berhubung dengan peraduan, khususnya yang berkaitan hadiah, adalah hak milik pemilik masing masing. Peraduan ini dan penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada, pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik sedemikian bukan sebahagian daripada syarikat kumpulan penganjur.

Peserta tidak berhak untuk menyerahkan mana-mana hak atau subkontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh penganjur.

Ketaksahan, tindakan yang menyalahi undang-undang atau kegagalan penguatkuasaan mana-mana terma tidak akan menjejaskan atau mempengaruhi kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat peraduan yang selainnya.

Terma dan Syarat peraduan hendaklah diertikan, ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

11.0 NOTIS PRIVASI

1. Dengan menyertai Peraduan, anda telah bersetuju untuk ("Sazarice Sdn. Bhd.") dan mana-mana syarikat pegangan, subsidiari atau berkaitannya sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016 ("Sazarice Sdn. Bhd.") dan pembekal-pembekal perkhidmatan, ejen-ejen dan kontraktor-kontraktor yang memberikan sokongan pentadbiran dan perniagaan kepada kami dan bertindak bagi pihak kami ("Pihak-Pihak Ketiga Lantikan") (secara kolektif "Penganjur" atau "kami") memproses maklumat peribadi anda yang dikemukakan dalam Laman Web bagi tujuan peraduan. Ini termasuk mendedahkan nama anda kepada masyarakat umum apabila anda menjadi pemenang dalam sesuatu pertandingan atau menyertai acara kami dengan menerbitkan nama, gambar-gambar dan lain-lain maklumat peribadi anda tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.

2. Penganjur juga boleh menggunakan maklumat peribadi anda bagi tujuan menghubungi dan menghantar maklumat atau bahan-bahan pemasaran dan Peraduan mengenai produk kami, perkhidmatan, sampel, apa-apa Peraduan, acara atau pertandingan yang dianjurkan oleh Penganjur. Sila nyatakan pilihan anda pada borang sekiranya anda bersetuju kepada penggunaan maklumat peribadi anda bagi tujuan ini.

3. Sekiranya anda bersetuju untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadi seseorang yang anda berhasrat untuk merujuk kepada penganjur, anda mengakui bahawa anda telah mendapatkan persetujuan daripada individu tersebut untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadinya kepada kami dan untuk dihubungi oleh kami.

4. Berkenaan dengan golongan bawah umur atau individu-individu yang tidak layak di bawah undang-undang untuk memberi kebenaran, anda mengesahkan bahawa mereka telah melantik anda untuk bertindak bagi pihak mereka dan untuk bersetuju bagi pihak mereka kepada pemprosesan maklumat peribadi mereka selaras dengan Notis Privasi ini.

5. Pada masa tertentu Penganjur mungkin melantik Pihak-Pihak Ketiga Lantikan untuk memproses maklumat peribadi anda. Semua Pihak-Pihak Ketiga Lantikan adalah terikat secara kontrak untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menyimpan maklumat dengan selamat dan tidak menggunakan maklumat peribadi anda dalam apa jua cara selain daripada yang dinyatakan di sini dan dalam Polisi Privasi kami di <https://sazarice.com.my/ms/notis-privasi-pdpp/>.

6. Pihak penganjur adalah sebuah syarikat Sendirian Berhad ataupun Sdn Bhd dan maklumat peribadi anda mungkin akan dipindahkan merentasi sempadan. Penganjur akan memastikan bahawa data anda hanya akan dipindahkan ke negara yang mempunyai tahap undang undang perlindungan data yang sama atau setara, seperti yang dinyatakan dalam Polisi Privasi kami di <https://sazarice.com.my/ms/notis-privasi-pdpp/>
7. Setakat mana undang-undang terpakai membenarkan, anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada, meminta salinan, meminta untuk mengemaskini atau membetulkan, data peribadi anda yang disimpan oleh kami.
8. Sila ambil perhatian bahawa penganjur memerlukan maklumat peribadi anda untuk memproses penyertaan anda dalam peraduan dan tanpa maklumat yang diperlukan, kami tidak akan dapat memproses permohonan anda.
9. Kami berhak untuk mengemaskini dan meminda Notis Privasi ini atau Polisi Privasi kami dari masa ke semasa.